

tetapi demikianlah ia disebut perawi (Muhammad bin Salamah).⁵ Kata beliau ('Aamir ar-Rāmi), "Sesungguhnya aku berada di negeri sendiri, tiba-tiba diangkat kepada kami beberapa bendera dan panji-panji. Aku bertanya (orang): Apa ini? Kata Mereka, ini adalah bendera Rasulullah s.a.w. Aku pun datang (/pergi) kepadanya, Baginda sedang berada di bawah satu pokok, telah dihamparkan untuknya kam, dan Baginda dalam keadaan duduk di atasnya, para sahabatnya pula sedang mengerumuninya. Lalu aku duduk di samping mereka. Rasulullah s.a.w. menyebutkan penyakit-penyakit, lantas bersabda, "Sesungguhnya seorang mu'min apabila ditimpa penyakit, kemudian Allah menyembuhkannya, maka penyakit (yang telah memimpinya) itu merupakan penghapus dosa-dosanya yang lepas⁶ dan sebagai nasihat (peringatan) baginya untuk waktu yang akan datang.⁷ Dan sesungguhnya orang munafik apabila sakit kemudian disembuhkan, ia seperti unta yang diikat pemiliknya, kemudian mereka melepaskannya. Ia tidak mengerti kenapa mereka mengikatnya, dan tidak juga mengerti kenapa mereka melepaskannya.⁸ Tiba-tiba seorang laki-laki di antara orang-orang yang ada di sekitarnya berkata, wahai Rasulullah! Penyakit itu apa? Demi Allah aku belum pernah sakit sama sekali. Maka Rasulullah s.a.w. berkata, "Bangkit dan

⁵ Kesimpulannya ialah yang betul dan yang masyhur berkenaan dengan nama saudara 'Aamir itu ialah al-Khudri, tetapi guruku (Muhammad bin Salamah) menyebutnya al-Khadrī. Apa yang disebutnya itu tidak sahīh dan tidak masyhur.

⁶ Yang pasti terhapus ialah dosa-dosa kecilnya. Dosa-dosa besarnya juga mungkin terhapus jika ia ingat kepada Allah dan bertaubat serta insaf pada ketika menderita sakit itu. Dan memang begitulah halnya orang mu'min apabila sakit.

⁷ Sebabnya ialah apabila seseorang mu'min jatuh sakit, ia akan ingatkan mati dan pertemuannya dengan Allah, pada ketika itu Allah akan mengira segala ma'shiat yang telah dilakukannya semasa di dunia dahulu. Mengingat semua itu, ia bertekad untuk tidak melakukannya lagi.

⁸ Orang munafiq walaupun ditimpa penyakit, ia tetap lalai dan leka. Ia tidak ingatkan mati dan pertemuannya dengan Allah. Kerana itulah ia tetap tidak bertaubat daripada ma'shiat-ma'shiat yang telah dilakukannya, sebaliknya marah kepada Allah dan tidak sabar menghadapi ujianNya. Dalam keadaan marah dan tidak sabarnya itu penyakit yang memimpinya ternyata tidak berguna apa-apa kepadanya, baik pada masa lalu mahupun pada masa hadapan. Malah penyakit itu menambalikan lagi penderitaannya, lantaran hatinya tetap sibuk dengan cintakan dunia dan kenikmatannya.

tinggalkan kami, kerana engkau bukan dari kalangan kami!"⁹ Ketika kami sedang berada di samping Baginda, tiba-tiba tampil seorang laki-laki yang berselimut, di tangannya ada sesuatu yang ditutupinya. Dia berkata, wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku bila mengetahui tentang kedatanganmu, terus datang untuk menemuiimu. Dalam perjalananku melalui satu kawasan belukar,

⁹ Kemusykilan timbul di sini bahawa kenapakah Rasulullah s.a.w. begitu marah kepada orang ini, sehingga menghalaunya keluar daripada majlis dan mengatakan "engkau bukan dari kalangan kami", padahal tidak pernah sakit itu bukanlah suatu yang berlaku dengan pilihan dan ikhtiarnya, apa yang diceritanya tentang dirinya itu adalah semata-mata realiti, memang dia tidak kenal apa itu penyakit kerana tidak pernah mengalaminya. Apakah pada pandangan agama orang yang tidak pernah sakit juga bersalah?

Dua jawapan yang diberikan di bawah nanti mungkin dapat merungkai kemusykilan itu:

(1) Mungkin cara percakapan orang itu membayangkan kesombongan dan kebongkakannya, dan itulah yang menyebabkan Rasulullah s.a.w. begitu marah kepadanya. Apalagi seorang yang sudah dewasa sepertinya tidak mungkin sama sekali tak pernah sakit atau tidak mempunyai sebarang penyakit, sama ada dalam bentuk penyakit fizikal atau mental.

Selain daripada itu, semata-mata tidak pernah sakit bukanlah suatu yang patut dibanggakan, dan orang yang mengalami sakit pula tidaklah harus berduka, kerana ia boleh menjadi kaffarah (penghapus) bagi dosa-dosanya.

(2) Oleh kerana hadits ini dha'if, maka tidak perlu diyakini segala-gala yang tersebut di dalamnya sebagai benar belaka. Mana-mana tindakan yang tidak bersesuaian dengan peribadi dan akhlak Rasulullah s.a.w. yang sedia dimahumi daripada al-Qur'an atau as-Sunnah, tidaklah perlu diterima. Di sini Rasulullah s.a.w. digambarkan sebagai seorang yang berwatak keras dan kasar, padahal bukannya Allah telah berfirman di dalam al-Qur'an tentang Baginda begini?

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْتَضَوْا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي

الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿٥٩﴾

Bermaksud. Maka dengan sebab rahmat (yang melimpahi-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari sekelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bernesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu, kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bernesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya. (Aali 'Imraan:159).

aku terdengar suara anak-anak burung di dalamnya, aku mengambilnya dan meletakkannya di dalam selimutku ini. Ibu mereka datang dan mengitari kepalaku. Aku membuka selimutku yang menutupi anak-anaknya, terus ia menerkam ke arah mereka dan berusaha menyelamatkan mereka. Aku pula terus menangkap dan membungkus semuanya dengan selimutku. Nah, ini semuanya ada bersamaku!" Rasulullah s.a.w. berkata, "Letakkan semuanya di bawah." Maka aku meletakkan semuanya (di atas tanah), namun ibunya masih tetap bersama mahu melindungi mereka. Pada ketika itu Rasulullah s.a.w. bertanya para sahabat dengan berkata: "Apakah kamu kagum terhadap kasih sayang ibu burung ini kepada anak-anaknya?" Mereka berkata, "Ya, wahai Rasulullah." Kemudian Baginda berkata, demi Dzat yang jiwaku berada di tangan-Nya. Sesungguhnya Allah lebih sayang kepada para hambaNya daripada ibu burung ini kepada anak-anaknya. Kembalikan mereka hingga engkau meletakkannya pada tempat di mana engkau telah mengambilnya bersama-sama ibu mereka!" Maka laki-laki itu pun mengembalikannya (seperti diarahkan oleh Rasulullah s.a.w.).¹⁰

¹⁰ Hadits ini dikemukakan juga oleh al-Baghawi di dalam Syarh as-Sunnah: 5/250,251 H:1440 daripada riwayat an-Nufaili, Abu Nu'aim al-Ashfahani di dalam Ma'rifatu as-Shahābah: 4/2064, 2065 H 5188 daripada riwayat Muhammad bin Salamah dengan sanad yang sama, Ibnu al-Atsir di dalam Usdu al-Ghābah 3/121, al-Mizzi di dalam Tahdzīb al-Kamāl di bawah biografi 'Aamir ar-Rāmi 4/86-87 daripada saluran riwayat Muhammad bin Ishaq dengan sanad ini, Ibnu Qāni di dalam Mu'jamu as-Shahābah 2/236-237, Ibnu 'Abdil Barr di dalam at-Tamhīd 4/582, al-Bukhari secara ta'liq di dalam at-Tārīkh al-Kabīr 6/446 daripada Isma'il bin Abi Uwais daripada ayahnya daripada Muhammad bin Ishaq, katanya: al-Hasan bin 'Umārah meriwayatkan kepadaku daripada Abi Manzhūr daripada pak ciknya daripada 'Aamir al-Khadhir ar-Rāmi.

Antara pengajaran dan pedoman yang dapat diambil daripada hadits ini ialah:

- (1) Penyakit atau kesakitan yang dialami orang mu'min juga ada kelebihan. Salah satu kelebihan ialah ia menjadi penghapus dosa-dosanya.
- (2) Orang alim atau pemimpin hendaklah dihormati dan dimuliakan dengan menyediakan tempat yang khusus untuk didudukinya dan lain-lain.
- (3) Mengasihani makhluk-makhluk Allah, sama ada rayat jelata, anak-anak, binatang-binatang dan burung-burung adalah dituntut dalam agama.

٣٠٩٠ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ الثَّقَلِيُّ وَإِبْرَاهِيمُ بْنُ مُهْدِيٍّ السَّعْدِيُّ الْمَغْنِيُّ قَالَا حَدَّثَنَا أَبُو السَّالِحِ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ خَالِدٍ قَالَ أَبُو دَاوُدَ قَالَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُهْدِيٍّ السَّعْدِيُّ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ وَكَانَتْ لَهُ صُحْبَةٌ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا سَبَقَتْ لَهُ مِنَ اللَّهِ مَنَازِلَةٌ لَمْ يَبْلُغْهَا بِعَيْنِهِ ابْتِلَاءُ اللَّهِ فِي جَسَدِهِ أَوْ فِي مَالِهِ أَوْ فِي وَلَدِهِ قَالَ أَبُو دَاوُدَ زَادَ ابْنُ ثَقِيلٍ ثُمَّ صَدَّرَهُ عَلَى ذَلِكَ ثُمَّ اتَّفَقَا حَتَّى يَبْلُغَهُ الْمَنَازِلَةُ الَّتِي سَبَقَتْ لَهُ مِنَ اللَّهِ تَعَالَى

3090 - 'Abdullah bin Muhammad an-Nufaili¹¹ dan Ibrahim bin Mahdi al-Misshīshī¹² meriwayatkan kepada kami, ma'na riwayat mereka berdua sama, kata mereka (berdua), Abu al-Malih¹³ meriwayatkan kepada kami daripada

(4) Orang yang mengambil sesuatu yang tidak harus diambilnya hendaklah mengembalikannya kepada tuannya atau ke tempat yang diambilnya.

(5) Menyakiti binatang-binatang atau burung-burung tanpa sebab juga haram, tetapi memeliharanya dengan baik adalah harus (dibolehkan).

(6) Penggunaan bendera dan panji-panji sebagai tanda pengenalan bagi sesuatu pasukan tentera dan lain-lain telah pun wujud di zaman Rasulullah s.a.w. Baginda dan para sahabatnya juga telah menggunakannya.

(7) Berselimut adalah salah satu cara berpakaian yang lumrah dalam masyarakat Arab di zaman itu.

(8) Nabi s.a.w. sentiasa menerapkan aqidah Islam dan akhlak yang mulia ke dalam jiwa para sahabat setiap kali berlaku sesuatu peristiwa. Banyak daripada pengajaran dan bimbingan Baginda berlaku secara spontan.

(9) Orang mu'min mendapat pengajaran, i'tibar dan kemsafan daripada setiap malapetaka yang menimpanya, sakit mengingatkannya kepada kematian. Sementara orang munafiq diumpamakan seperti unta yang tidak tahu apa pun yang berlaku kepadanya, ia terus lalai dan leka, tidak ada apa pun menginsafkannya, sehingga ia mati dalam keadaan bergehumang dengan dosa-dosa.

(10) Kasih dan sayangkan anak-anak merupakan fitrah ibu, ibu binatang liar, mergastua dan unggas juga mempunyai fitrah itu.

¹¹ Beliau ialah 'Abdullah bin Muhammad bin 'Ali bin Nufail al-Qudhā'i an-Nufaili, seorang perawi tsiqah, hafiz lagi imani, Bukhari dan pengarang-pengarang kitab-kitab Sunan yang utama meriwayatkan hadits-haditsnya. An-Nufaili meninggal dunia pada tahun 234 Hijrah.

¹² Ibrahim bin Mahdi al-Misshīshī adalah seorang perawi maqbul, Abu Haatim mengatakan beliau tsiqah. Ibnu Qāni' berkata, Ibrahim bin Mahdi al-Misshīshī meninggal dunia pada tahun 225 Hijrah.

¹³ Nama sebenarnya ialah al-Ḥasan bin 'Umar bin Yahya ar-Raqqi al-Fazāri. Seorang perawi tsiqah, Abu al-Malih adalah perawi Sunan Abi Daud, an-Nasaa'i dan Ibnu

Muhammad bin Khalid. Abu Daud berkata, "Kata Ibrahim bin Mahdi, (Muhammad bin Khalid itu) as-Sulami, beliau (Muhammad bin Khalid as-Sulami meriwayatkan) daripada ayahnya daripada datuknya,¹⁴ dan datuknya itu adalah sahabat Rasulullah s.a.w. Beliau (datuk Muhammad bin Khalid) berkata, aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya seseorang hamba itu jika telah ditaqdir Allah mempunyai kedudukan yang tinggi (di sisiNya), sedangkan ia tidak memperolehinya dengan amalannya, maka Allah mengujinya pada jasadnya, hartanya, atau pada anaknya." Abu Daud berkata, Ibnu Nufail menambahkan (dalam riwayatnya): "Kemudian Allah memberikan kesabaran kepadanya dalam menghadapi ujianNya." Kemudian lafazhi (riwayat) kedua-dua mereka sama, iaitu: "sehingga Allah menyampaikannya kepada kedudukan yang telah pun ditaqdirkan untuknya."¹⁵

Majah. Bukhari hanya mengambil haditsnya untuk kitabnya al-Adabu al-Mufrad. Abu al-Malih meninggal dunia pada tahun 181 Hijrah.

¹⁴ Hadits 3090 ini tidak terdapat di dalam nuskah Sunan Abi Daud riwayat al-Lu'lu'i, kerana itulah al-Mundziri tidak menyebutnya di dalam Mukhtasharnya. Di dalam Syarh al-Aini dan al-Manhal juga tidak tersebut hadits ini. Setelah mengemukakan hadits 3090 ini di dalam al-Athrafiya al-Mizzi berkata, "Hadits ini terdapat dalam riwayat Ibnu al-'Abd dan Ibnu Dasa. Abul Qasim tidak menyebutnya."

Hadits ini juga di sudut sanadnya dha'if, sebabnya ialah Muhammad bin Khalid dan ayahnya adalah perawi majhul. Lihat Majma' az-Zawā'id j.2 m/s 292. Nama datuknya tidak disebutkan di sini, dikatakan namanya ialah al-Lajlāj. Imam Ahmad juga meriwayatkan hadits ini (di dalam Musnad j.5 m/s 252) daripada hadits Abul Malih dengan sanad yang sama.

Selain Imam Ahmad, Ibnu Mandah, Abu Nu'aim dan Abu Ya'la juga meriwayatkan hadits ini di dalam kitab-kitab mereka. At-Thabaraani mengemukakannya di dalam al-Mu'jam al-Kabir dan al-Mu'jam as-Shaghir.

Walaupun di sudut sanad hadits ini dha'if, namun tarafnya meningkat naik kerana ada beberapa syawahidnya. Maka boleh juga dikatakan hadits ini hasan, dengan maksud hasan li ghairih atau sahih dengan maksud sahih li ghairih. Lihat sebahagian daripada syawahidnya di dalam at-Targhib Wa at-Tarhib j.4 m/s 281-284, Sahih Ibnu Hibban hadits no:2908, dan lain-lain.

¹⁵ Penyakit yang dialami seseorang juga daripada segi ia menghapuskan dosa-dosanya dan menaikkan darjatnya di sisi Allah merupakan hadiah yang besar daripada Allah, dengan syarat ia menghadapinya dengan penuh kesabaran. Walaupun begitu, seseorang ditegah daripada meminta kepada Allah supaya ditimpa penyakit.